

Tewaskan sembilan pasukan lain

UTHM, UPSI juara Sofbol IPT 2014

Oleh SAFINA RAMLI
dan SHARUM SAMSUDIN
Lelaki Kedah / Lelaki.com.my

■ KUBANG PASU 2 DIS.

PASUKAN sofbol Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) muncul juara bagi kategori wanita setelah mengalahkan pasukan Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam Kejohanan Liga Sofbol Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2014 yang yang berlangsung di padang Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Polimasi) di sini baru-baru ini.

Bagi kategori lelaki pula, pasukan sofbol Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di nobatkan sebagai juara setelah mengalahkan pasukan UTHM dengan skor tipuan mata 9-4.

Pasukan pemenang bagi kejohanan tersebut menerima hadiah piala iringan dan medal yang disampaikan oleh Pengarah Kanan

Akademik Jabatan Pengajian Politik, Mohd. Ghaus Ab. Kadir.

Mohd Ghaus berkata, sebanyak 10 pasukan daripada IPT dari seluruh negara seperti pasukan daripada UUM, POLIMAS dan lain-lain menyertai kejohanan yang berlangsung selama lima hari bermula 25 November lalu.

"Kejohanan yang berlangsung ini bertujuan menyemarakkan lagi sukan sofbol di kalangan penuntut IPT tempatan."

"Ini selaras dengan pemilihan Polimasi yang menjadi tempat pembangunan sukan sofbol dan pihak kami berharap dengan kejohanan sebegini sukan sofbol akan terus diminati ramai," katanya ketika ditemui di padang Polimasi di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, jurulatih pasukan UTHM bagi kategori wanita, **Mesafizam Mesri** berkata, kemangan yang diperolehi oleh pasukan wanita UTHM itu berkat semangat ahli pasukan yang gigih

berusaha.

"Ini merupakan kejuaraan sulung pasukan wanita UTHM bagi tahun ini dan kami sangat gembira dengan kejayaan ini tambahan pulak kami telah mengalahkan pasukan UUM yang memang dikenali sebagai pasukan yang hebat."

"Kami hanya sasar untuk mendapat tempat ketiga dalam kejohanan ini dan kemenangan kami merupakan bonus kepada semua pemain," jelasnya.

Tambahnya, pasukan softball wanita UTHM baharu sahaja ditubuhkan kita-kira empat tahun lalu dan kini berada pada kedudukan keempat di dalam Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum).

"Kami sasarkan untuk tahun depan kami boleh menduduki tempat ketiga dalam Masum dan ahli-ahli pasukan softball UTHM akan terpilih menjadi pemain kebangsaan untuk peringkat antarabangsa pada masi depan," jelasnya.



PASUKAN UPSI muncul Juara lelaki Kejohanan Liga Sofbol IPT 2014 di Polimasi, Kubang Pasu, Kedah, baru-baru ini.